



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-3/2/45 (74)

Tarikh : 22 Oktober 2020

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN UJIAN STANDARD KECERGASAN FIZIKAL KEBANGSAAN
UNTUK MURID SEKOLAH MALAYSIA (SEGAK) BAGI MURID TINGKATAN LIMA
DAN PEMBATALAN BAGI MURID TAHUN EMPAT HINGGA TINGKATAN EMPAT
TAHUN 2020**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan situasi semasa penularan COVID-19 dan Surat Penangguhan Program/Aktiviti Sukan, Kokurikulum, Seminar, Bengkel Serta Aktiviti Lain Selain Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka Nombor Rujukan KPM.100-1/3/1 Jld.3(92) bertarikh 21 Oktober 2020, ujian SEGAK bulan Oktober 2020 dibatalkan bagi murid Tahun Empat hingga Tingkatan Empat (berumur 10 hingga 16 Tahun). Ujian SEGAK hanya dilaksanakan kepada murid Tingkatan Lima (berumur 17 Tahun) bagi tahun 2020.

...3. Oleh yang demikian, tempoh pelaksanaan ujian SEGAK bagi murid Tingkatan Lima dilanjutkan sehingga 30 November 2020. Maklumat terperinci berkaitan pelaksanaan Ujian SEGAK bagi murid Tingkatan Lima adalah seperti dalam **Lampiran A**. Ujian SEGAK perlu dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan Pelaksanaan SEGAK bulan Oktober 2020 seperti dalam **Lampiran B**.

4. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan perekodan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga memohon kerjasama YBhg. Datuk/tuan/puan memastikan setiap sekolah mencatat skor SEGAK dalam **Borang SEGAK Sekolah Menengah (BSSM)** berdasarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2016 : Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK)**. Pihak sekolah juga hendaklah mengunci masuk keputusan SEGAK, membuat pengesahan data SEGAK dan memuat turun keputusan SEGAK dalam aplikasi sistem PAJSK-SPS-APDM pada atau sebelum 31 Disember 2020.

5. Bagi ujian SEGAK bulan Oktober 2020, sekolah yang telah melaksanakan ujian SEGAK untuk murid Tahun Empat hingga Tingkatan Empat, skor SEGAK juga hendaklah dikunci masuk, disahkan dan dimuat turun dalam aplikasi sistem untuk simpanan dan rujukan. Bagi sekolah yang belum melaksanakan ujian SEGAK, pihak sekolah hendaklah menanda TL (Tidak Laksana).
6. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/tuan/puan dimohon untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan semua sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/tuan/puan.
7. Sebarang pertanyaan pihak YBhg. Datuk/tuan/puan boleh menghubungi Cik Kamariah binti Mohd Yassin di talian 03-88842044 atau Puan Nur Haswani binti Mazlan di talian 03-88842295.

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. HABIBAH ABDUL RAHIM)

KPM.600-3/2/45 (74)

s.k :

1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Dasar dan Kurikulum)
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
3. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
4. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
5. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
6. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
7. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir
8. Pengarah
Bahagian Sekolah Berasrama Penuh
9. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
10. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
11. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh
PERAK DARUL RIDZUAN
2. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
3. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bharu
JOHOR DARUL TAKZIM
4. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR
5. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jalan Punai Tanah, Likas
88450 Kota Kinabalu
SABAH
6. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching
SARAWAK

KPM.600-3/2/45 (74)

7. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan
Jalan Stadium
05604 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN
8. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 PULAU PINANG
9. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong
16010 Kota Bharu
KELANTAN DARUL NAIM
10. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN
11. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 KUALA LUMPUR
12. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
PERLIS
13. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 Seremban
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KPM.600-3/2/45 (74)

14. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana
75450 Bukit Beruang
MELAKA

15. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Lobi 2, Blok E2
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

16. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

**PELAKSANAAN SEGAK
BAGI MURID TINGKATAN LIMA (BERUMUR 17 TAHUN)**

1. Ujian SEGAK dilaksanakan sekali sahaja iaitu dalam tempoh Oktober hingga 30 November 2020.
2. Pelaksanaan ujian SEGAK hendaklah mematuhi prinsip asas pencegahan COVID-19 yang telah dinyatakan dalam Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah, KPM dan Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum.
3. Sekolah hendaklah memohon kebenaran ibu bapa atau penjaga murid sebelum melaksanakan ujian.
4. Guru yang melaksanakan ujian SEGAK perlu mengingatkan murid mengenai kepentingan amalan prinsip pencegahan COVID-19 iaitu mencuci tangan dengan air dan sabun/sanitizer (wash) dan amaran dari KKM berkonsep peringatan (warn) termasuk penjarakan fizikal.
5. Guru hendaklah menanda TL dalam sistem PAJSK bagi murid yang tidak melaksanakan ujian SEGAK disebabkan oleh PKPD, PKPB dan sekolah yang ditutup serta ibu bapa yang tidak membenarkan murid melaksanakan ujian.

PANDUAN PELAKSANAAN SEGAK OKTOBER 2020

Sekolah perlu mematuhi Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah, KPM yang telah ditetapkan, Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum serta Panduan Pelaksanaan Ujian SEGAK yang telah diubah suai daripada Panduan SEGAK 2016 seperti berikut :

1. Kawasan pelaksanaan ujian SEGAK hendaklah disanitasi sebelum dan selepas ujian dilaksanakan.
2. Laluan terarah dan sehalu di kawasan pelaksanaan ujian perlu disediakan bagi mengawal pergerakan murid pada satu-satu masa dan mengelakkan kesesakan ruang.
3. Memastikan murid dan guru mencuci tangan sebelum dan selepas melakukan aktiviti.
4. Memeriksa suhu badan murid sebelum melakukan aktiviti. Suhu badan yang melebihi 37.5°C tidak dibenarkan menjalani ujian.
5. Memastikan murid tidak memakai pelitup separa muka semasa melakukan ujian.
6. Guru dan pembantu hendaklah memakai pelitup separa muka semasa murid melakukan ujian.
7. Guru hendaklah sentiasa membasuh tangan dengan air dan sabun/ pensanitasi tangan sebelum, semasa dan selepas mengendalikan setiap murid.
8. Setiap permukaan peralatan ujian SEGAK perlu disanitasi setiap kali sebelum digunakan oleh murid seterusnya.
9. Tapak kasut murid dan guru hendaklah disanitasi sebelum masuk dan keluar dari kawasan pelaksanaan ujian

10. Memastikan penjarakan fizikal tiga (3) hingga lima (5) meter ;
 - a) bagi aktiviti memanaskan badan, rengangan, Pengukuran Indeks Jisim Badan (BMI), ujian Naik Turun Bangku, Tekan Tubi atau Tekan Tubi Ubah Suai, Ringkuk Tubi Separa dan Jangkauan Melunjur.
 - b) semasa murid menunggu giliran untuk melakukan ujian SEGAK
11. Tilam senaman hendaklah menggunakan tilam senaman kalis air atau dialas dengan bahan kalis air yang boleh didisinfeksi berulang kali atau lapik pakai buang.
12. Span bagi ujian Tekan Tubi atau Tekan Tubi Ubah Suai hendaklah dibalut dengan bahan kalis air agar mudah didisinfeksi setiap kali selepas digunakan.
13. Memastikan murid memakai stoking dan kasut yang bersih bagi ujian Naik Turun Bangku, Tekan Tubi atau Tekan Tubi Ubah Suai dan Ringkuk Tubi Separa.
14. Memastikan murid memakai stoking bagi Pengukuran Indeks Jisim Badan (BMI) dan ujian Jangkauan Melunjur.
15. Pelaksanaan ujian dilakukan mengikut kelas. Elakkan murid melakukan ujian SEGAK secara beramai-ramai.
16. Ujian SEGAK boleh dilakukan dalam dewan dengan pintu dan tingkap dibuka untuk pengudaraan, kawasan lapang berbumbung atau gelanggang permainan.
17. Prosedur ujian SEGAK seperti dalam buku Panduan SEGAK 2016 disesuaikan seperti berikut :
 - a) **Pengukuran Indeks Jisim Badan (BMI)**
Guru sahaja dibenarkan untuk mengukur tinggi dan menimbang berat badan murid.
 - b) **Ujian Naik Turun Bangku 3 minit**
Seorang pelaku sahaja dibenarkan berada pada satu bangku dan pembantu berdiri satu (1) hingga tiga (3) meter di hadapan pelaku.

c) Ujian Tekan Tubi atau Tekan Tubi Ubah Suai

Pembantu berada satu (1) hingga (3) meter di hadapan pelaku.

d) Ujian Ringkuk Tubi Separa

Pembantu berada satu (1) hingga (3) meter di hadapan pelaku.

e) Ujian Jangkauan Melunjur

- i. Guru sebagai pembantu untuk membaca jarak yang dicapai murid.
- ii. Guru tidak perlu menyentuh lutut murid semasa murid melakukan ujian.